

Pejabat Perangkaan daerah beroperasi

TEMERLOH 11 Mei – Kerja-kerja peman-tauan dan bancian penduduk akan men-jadi lebih cekap dan sistematik dengan penubuhan Pejabat Perangkaan Daerah Temerloh di sini.

Ketua Pengarah Jabatan Perangkaan, Wan Ramlah Wan Abd. Ra'of berkata, penubuhan pejabat itu akan dapat mem-bantu kerajaan melaksanakan program pembangunan dalam jangka panjang.

Katanya, bilangan penduduk Pahang yang mencecah 1.5 juta orang dengan 22 peratus mereka tinggal di Temerloh, Je-rantut dan Bera, memberikan sumbangan yang besar kepada ekonomi negeri.

“Pejabat operasi di Temerloh dapat di-jadikan landasan kukuh dalam melaksa-nakan operasi perangkaan terhadap pen-duduk dan perumahan menjelang 2010,” katanya.

Beliau berucap ketika merasmikan Pe-jabat Perangkaan Daerah Temerloh hari ini.

Menurut Wan Ramlah, sektor pembua-tan merupakan penyumbang tertinggi bagi tiga daerah berkenaan yang berada dalam lingkungan operasi pejabat perangkaan itu.

“Ia diikuti dengan sektor perkhidmatan dan pembinaan dengan sumbangan ma-sing-masing sebanyak 26 peratus,” jelas-nya.

Tambahnya, sebanyak 25.7 peratus ka-wasan kediaman di negeri ini terletak da-lam kawasan liputan Pejabat Perangkaan Daerah Temerloh.

“Sumbangan maklumat tersebut me-nunjukkan pentingnya kewujudan pejabat operasi Temerloh bagi mengumpul semua data yang diperlukan dengan lebih cekap dan berkualiti.

“Daerah ini yang terletak di tengah-te-ngah Pahang dengan kemudahan geografi serta rangkaian perhubungan memudah-kan lagi pelaksanaan serta pemantauan operasi yang dijalankan jabatan,” katanya.



WAN Ramlah Wan Abd. Ra'of (duduk) melayari laman web selepas merasmikan Pejabat Perangkaan Daerah Temerloh, semalam.